

04/02/1997

Pelaburan ASK tidak ikut syarak (HL)

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

ALOR STAR, Isnin - Amanah Saham Kedah (ASK) mengaku beberapa kali melabur dalam syarikat yang menjalankan kegiatan bercanggah dengan hukum syarak.

Berikutan itu, semua keuntungan hasil pelaburan dalam syarikat yang bercanggah dengan syarak akan dimasukkan dalam akaun digantung, bukannya dalam akaun atau dividen pemegang saham ASK.

Paling terbaru, ASK membeli 18.5 juta unit saham Pernas International Holdings Bhd (PIHB), yang terbabit dalam kegiatan perhotelan, bernilai kira-kira RM50 juta Disember lalu selepas mendapat tawaran Kerajaan Persekutuan.

Sebelum ini, ASK membeli saham dalam YTL Corporation dan Sunway City di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang beberapa kegiatan perniagaannya bercanggah dengan hukum syarak.

Ketua Eksekutif ASK, Nurkhalim Ahmad berkata, kesilapan itu bukan disengajakan sebaliknya berpunca daripada ketidaktentuan mengenai status saham terbabit.

Bagaimanapun, tindakan ASK itu terkeluar daripada dasar asalnya iaitu amanah saham untuk orang Melayu yang berteraskan syariah. Setakat ini ASK mempunyai 26,000 pelabur dengan unit saham yang dijual berjumlah kira-kira 101 juta.

Berikutan itu, Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid mengarahkan ASK membetulkan keadaan dan mengasingkan keuntungan hasil pelaburan itu supaya tidak menjejaskan pelabur.

Menurut Nurkhalim, senarai status saham Majlis Penyeliaan Syariah Bank Islam tidak menentu sehingga menyukarkan ASK membuat keputusan, terutama jika keadaan terdesak.

"Bank Islam sendiri tidak pasti mengenai status sesuatu saham dan kadang kala bank itu sendiri melabur dalam saham yang bercanggah dengan syariah.

"Kami tidak pasti yang mana halal atau haram kerana kadang kala sesuatu syarikat itu berada dalam senarainya, kemudian dikeluarkan dan tidak lama selepas itu muncul kembali," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini.

Sebelum itu Nurkhalim menerima kunjungan Ketua Pemuda Pas Kedah, Mahfuz Omar yang menghantar surat bantahan berhubung perkara itu.

Pemuda Pas dimaklumkan mengenainya oleh pelabur yang sangsi kemungkinan mereka mendapat keuntungan lumayan hasil pelaburan haram.

Mengenai penerimaan tawaran PIHB, Nurkhalim berkata beliau kesuntukan masa kerana hanya diberi tempoh seminggu untuk menerima atau menolak tawaran itu.

Beliau merujuk perkara itu kepada Majlis Penyeliaan Syariah ASK yang tidak bersetuju ASK menerima tawaran itu, manakala Menteri Besar tidak dapat dimaklumkan mengenainya kerana melawat China.

"Saya perlu membuat keputusan segera dan kerana tidak ketentuan mengenai status saham itu, saya membuat keputusan menerimanya," katanya.

Nurkhalim bagaimanapun berkata, pelabur ASK tidak perlu bimbang kerana keuntungan hasil pelaburan dalam syarikat yang bercanggah dengan syarak dimasukkan dalam akaun digantung.

Wang dalam akaun digantung itu akan disalurkan untuk kegunaan tertentu yang dibenarkan Islam seperti baitulmal, bergantung kepada keputusan kerajaan.

ASK yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1995 mengeluarkan dividen 12 peratus bagi tahun kewangan pertamanya, tahun

lalu.

Amanah saham itu juga dilaporkan mengaut keuntungan bersih sebanyak RM13.85 juta hasil pelaburan di BSKL dan pasaran wang.

Ia juga akan menggantung urusan niaga pada 14 hingga 28 Februari ini untuk urusan pembayaran dividen tahun ini.

Kadar dividen akan diumumkan pada 26 Februari.

(END)